

## Sumbangan Pelancongan Pendidikan Ke Atas Pendapatan Negara

*Contribution of Educational Tourism on National Income*

Mohd Anuar Md. Amin (mama@umt.edu.my)

Siti Hajar Hussein (sitihajarhussein@gmail.com)

Jabatan Ekonomi

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu

### ABSTRAK

Pelancongan pendidikan merupakan salah satu produk baru yang berpotensi tinggi untuk menjana sumber pendapatan negara. Ia selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi hab pengajian tinggi serantau. Laporan Kajian Separuh Penggal RMke-9 (2006-2010) melaporkan enrolmen pelajar asing adalah seramai 92,318 pelajar dengan menyumbang sebanyak RM 1.4 bilion kepada pendapatan tukaran asing. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan meramalkan sumbangan sektor pelancongan, perkhidmatan dan kedatangan pelajar asing sehingga tahun 2020. Hasil kajian mendapati dalam tahun 2015 dijangkakan 121,511 pelajar akan mengikuti pengajian di Malaysia dan angka ini akan meningkat kepada 160,646 pelajar dalam tahun 2020. Kerajaan harus membantu daripada segi infrastruktur dan menyediakan tenaga akademik yang bertaraf dunia dalam menjana kedatangan pelajar luar negara di samping memastikan bayaran pengajian yang kompetitif.

Katakunci: Pelancongan Pendidikan, Peramalan 2020 dan Peranan Kerajaan.

### ABSTRACT

*Tourism education is one of the new products with high potential to generate new sources of national income. It is consistent with the objectives of Malaysia to become regional hub for higher education. Mid-Term Review Report of Ninth Malaysia Plan (2006-2010) reported a foreign student enrolment is about 92,318 students and contributed RM1.4 billion to foreign exchange earnings. This study aims to analyze and predict the contribution of tourism, services sectors and the arrival of foreign students until 2020. Results showed that in the year 2015 is expected to 121,511 students will pursue their studies in Malaysia and this figure will increase to 160,646 students in 2020. The government should help in terms of infrastructure and provide world-class academic staff in the coming generation of students abroad as well as ensuring competitive fee tuition.*

*Keywords:* Education Tourism, 2020 Forecasting and Government Responsibilities.

### PENGENALAN

Negara kini sedang mengorak langkah transformasi dari pelbagai aspek dalam merencana sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Untuk menarik segmen berpendapatan tinggi, didapati sektor perkhidmatan mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan sumbangan kekal sebanyak lebih 50% bagi tempoh 10 tahun yang lepas. Ia didorong oleh perkembangan beberapa sub-sektor terutamanya sektor pelancongan. Di Malaysia, pelancongan dipilih sebagai peneraju utama pembangunan ekonomi, yang mana telah menjana sebanyak RM 36.9 bilion kepada pendapatan negara kasar (PNK) dalam tahun 2009. Sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas, industri ini terus menjadi sumber utama kepada perolehan tukaran asing, sumber pelaburan, guna tenaga serta menawarkan peluang pekerjaan yang banyak. Di Malaysia, ketibaan pelancong adalah terdiri daripada 8 kawasan yang telah dikenalpasti iaitu ASEAN, Asia, Asia Barat, Amerika Utara, Kesatuan Eropah, Eropah, Afrika Selatan dan lain-lain. Pada tahun 2000, pelancong daripada negara-negara anggota ASEAN merupakan jumlah terbesar dan ia kekal pada kedudukan tertinggi sehingga tahun 2010 dengan mencapai lebih 70% daripada jumlah ketibaan pelancong.

Keadaan ini menunjukkan sektor pelancongan banyak bergantung kepada kunjungan pelancong daripada komuniti ASEAN seperti Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, dan juga Vietnam. Berdasarkan Laporan Akhir Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia oleh Badaruddin et al. (2009) mendapati pasaran ASEAN adalah lebih sensitif terhadap apa jua perubahan atau peristiwa yang berlaku di negara ini mahupun di rantau Asia seperti krisis mata wang, penyakit berjangkit, pergolakan politik serta bencana alam yang boleh menjelaskan industri dan ekonomi. Selain itu, didapati Malaysia masih kekurangan kajian dan penyelidikan terhadap produk pelancongan pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai aspirasi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan dalam melaksanakan program pengantarabangsaan pelajar iaitu menarik pelajar asing yang berkualiti tinggi untuk mengikuti pengajian tinggi di Malaysia. Galakan ini akan membuka peluang baru terhadap sektor pelancongan melalui pasaran pelancongan pendidikan di Malaysia dan peringkat antarabangsa khususnya. Malaysia kini semakin menerima pengiktirafan dunia sebagai destinasi pilihan untuk pendidikan tinggi dan tertiar. Pada tahun 2009, sektor pendidikan telah menyumbang sebanyak RM 27.1 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (Program Transformasi Ekonomi). Dari sudut pilihan lokasi pengajian tinggi, Malaysia telah berada pada kedudukan ke-11 di dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Berdasarkan Laporan Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010, Negara Iran berada pada kedudukan tertinggi dalam 10 negara teratas yang menyumbang kepada bilangan pelajar antarabangsa ke Malaysia iaitu seramai 11,823 pelajar dan diikuti oleh China (10,214), Indonesia (9,889), Yemen (5,866), Nigeria (5,817), Libya (3,930), Sudan (2,837), Saudi Arabia (2,252), Bangladesh (2,041) dan kedudukan terendah dalam senarai adalah Iraq seramai 1,835 pelajar. Statistik menunjukkan komposisi pelajar asing adalah terdiri daripada pelbagai kawasan dan negara. Faktor pemilihan destinasi pendidikan tinggi di Malaysia adalah dipengaruhi oleh persekitaran yang kondusif untuk tujuan pembelajaran seperti kestabilan ekonomi, sosial dan politik, kemajuan teknologi dan penyelidikan, kadar tukaran asing yang rendah, yuran pengajian yang berpatutan serta kepelbagaiannya budaya dan bangsa. Oleh itu, bagi memacu ke arah negara maju dalam konteks peningkatan dalam pendapatan per kapita dan pada masa yang sama kebijakan rakyat turut terbela, tiga sektor telah dipilih iaitu sektor perkhidmatan, pelancongan dan pendidikan sebagai asas ramalan perkembangan dan sumbangan setiap sektor terhadap pendapatan negara pada masa hadapan.

Selaras dengan matlamat negara untuk menjadi hab kecemerlangan pendidikan serantau pada tahun 2020, fokus utama kajian adalah terhadap sektor pendidikan dan sektor pelancongan yang menawarkan produk pelancongan pendidikan sebagai sumber penjanaan baru ke atas pendapatan negara. Matlamat kajian adalah untuk menganalisis dan meramal sumbangan sektor perkhidmatan, ketibaan dan penerimaan daripada pelancongan serta kedatangan pelajar antarabangsa pada tahun 2013 sehingga tahun 2020. Di samping itu, membentuk strategi dan perancangan masa hadapan terhadap momentum pelancongan pendidikan sebagai pemacu sektor pelancongan dan sektor pendidikan serta kesan tidak langsung kepada pengukuhan sektor perkhidmatan di Malaysia.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Pelancongan pendidikan merupakan salah satu produk pelancongan yang sedang membangun dengan cepat. Ia didorong oleh peningkatan ketibaan pelajar antarabangsa yang berterusan daripada pelbagai negara. Produk ini berpotensi tinggi dalam menyumbang kemajuan dari segi aspek sosial dan juga ekonomi. Istilah pelancongan pendidikan adalah merujuk kepada sebarang program perjalanan oleh seseorang individu ke sesuatu lokasi tertentu dengan tujuan utama untuk menimba ilmu dan pengalaman pembelajaran di lokasi berkenaan (Rodger, 1998). Pelancongan pendidikan akan menggalakkan permintaan secara tidak langsung kepada beberapa produk pelancongan lain seperti eko-pelancongan, pelancongan beli-belah, pelancongan kesihatan, pelancongan warisan budaya dan lain-lain. Walaubagaimanapun, berdasarkan kajian di luar negara menyatakan pelancongan pendidikan bukanlah sesuatu isu yang baru (Gibson, 1998 ; Holdnak dan Holland, 1996). Namun, jika dilihat bagi negara membangun khususnya Malaysia, masih kurang pengkaji dan kajian yang menumpu kepada pelancongan pendidikan.

Kajian dari sudut pelancongan mendapati sejumlah besar kajian lepas membuktikan wujud korelasi yang kuat di antara industri pelancongan dan pembangunan ekonomi. Kajian Sarmadi dan Norlida (2010) melihat perkaitan hubungan secara dinamik di antara perdagangan, pertumbuhan ekonomi dan pelancongan di Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah ujian kointegrasi di bawah Autoregrasi Taburan Lat (ARDL) mendapati dalam jangka pendek, bilangan kedatangan pelancong adalah signifikan terhadap aliran dagangan dan kedua-dua faktor ini mempunyai hubungan positif

kepada pertumbuhan pendapatan benar negara. Manakala, kajian Lin (2004) mendapati sektor pendidikan tinggi menyumbang kepada pembangunan ekonomi Taiwan dalam tempoh 1965 hingga 2000. Hasil daripada kajian, beliau mendapati peningkatan 1% dalam graduan pendidikan tinggi akan menyumbang sebanyak 0.19% kepada pertumbuhan ekonomi. Kajian dari sudut peramalan mendapati kebanyakkan kajian lepas menggunakan model kuantitatif, kualitatif dan pelbagai teknik dalam melihat ketepatan teknik peramalan. Antara kajian oleh Ismail et al. (2000) menggunakan *Autoregrasi Taburan Lat (ARDL)* untuk meramal ketibaan pelancong Jepun ke Guam, Burger et al. (2001) menggunakan "Artificial Neural Networks" (ANN) sebagai panduan kaedah siri masa bagi peramalan permintaan pelancongan dan model Vektor Autoregresif (VAR) oleh Witt, Song dan Wanhill (2004) dalam meramal permintaan pelancongan dan pekerjaan di bawah sektor pelancongan.

Manakala, kajian oleh Choy (1984) menyatakan kaedah regresi siri masa terhadap analisis arah aliran menggunakan teknik kuasa dua terkecil adalah merupakan model yang mudah dan sesuai bagi pelbagai kegunaan dan ramalan tahunan. Kenyataan ini adalah sama dengan kajian yang dibuat oleh Kirby (1996) di mana, regresi siri masa adalah lebih tepat bagi meramal arah aliran bagi satu tahun ke hadapan atau lebih. Namun, kajian oleh Song dan Li (2008) menyatakan tidak terdapat satu model yang konsisten dalam semua keadaan. Penggunaan kaedah dan model peramalan adalah bergantung kepada tujuan peramalan dilaksanakan. Aplikasi peramalan telah menjadi satu keperluan kepada sesebuah organisasi dan kerajaan dalam membentuk perancangan, strategi, pengawalan dan tindakan bagi pembangunan masa hadapan.

Kajian ini bertujuan untuk meramal arah aliran bagi sektor terpilih dalam menjana ekonomi negara pada masa hadapan. Justeru, pendidikan pelancongan adalah merupakan satu aktiviti ekonomi di bawah sektor pelancongan, maka, ia menjadi salah satu daripada penyumbang kepada eksport komoditi Malaysia dan aliran dalam pendapatan tukaran asing (Norzaidi et al., 2010). Oleh yang demikian, kajian-kajian secara terperinci mengikut pelbagai aspek perlu diperbanyak dalam usaha membangunkan dan menggalakkan produk pelancongan pendidikan seiring pencapaian matlamat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan mampu berdaya saing dari segi aspek kualiti pendidikan secara global.

## METODOLOGI

Kajian ini meramal jangkaan sumbangan sektor perkhidmatan, ketibaan pelancong, penerimaan pelancongan dan enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2013 hingga 2020. Data-data dari tahun 2000 hingga 2010 digunakan untuk menganggar parameter yang terdapat di dalam model tersebut. Data sumbangan sektor perkhidmatan, ketibaan pelancong dan penerimaan pelancongan diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pelancongan Malaysia. Manakala bagi enrolmen pelajar antarabangsa data diperolehi daripada Laporan Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010. Dalam kajian ini, model arah aliran akan digunakan untuk menganggarkan model bagi sumbangan sektor perkhidmatan, ketibaan pelancong, penerimaan pelancongan dan enrolmen pelajar antarabangsa. Seterusnya, hasil daripada model di atas akan digunakan untuk membuat peramalan bagi sektor-sektor yang dinyatakan di atas sehingga tahun 2020.

Sebagai contoh, model sumbangan sektor perkhidmatan ditunjukkan seperti di bawah.

Model 1 : Sumbangan Sektor Perkhidmatan

Secara amnya, sumbangan sektor perkhidmatan adalah bergantung kepada tahun. Dengan hal demikian, fungsi bagi sumbangan sektor perkhidmatan adalah seperti berikut.

Sumbangan sektor perkhidmatan =  $f(\text{Tahun})$

$$P_t = f(T)$$

Model arah aliran bagi fungsi di atas adalah seperti berikut:

$$P_t = \alpha_0 + \beta_1 T_t + \varepsilon_t \quad [1]$$

Dengan:

$P_t$  = Sumbangan Sektor Perkhidmatan (RM bilion setahun)

- $T_t$  = Masa di dalam tahun Ke-n (Bilangan tempoh)  
 $\alpha_0$  = Pintasan garisan arah aliran  
 $\beta_1$  = Pekali bagi tahun  
 $\varepsilon_t$  = Ralat

Kaedah yang sama juga akan digunakan untuk membina model ketibaan pelancong, penerimaan pelancongan dan enrolmen pelajar antarabangsa.

#### Model 2 : Ketibaan Pelancong

Secara amnya, ketibaan pelancong adalah bergantung kepada tahun. Dengan hal demikian, fungsi bagi ketibaan pelancong adalah seperti berikut.

$$\text{Ketibaan Pelancong} = f(\text{Tahun})$$

$$K_t = f(T)$$

Model arah aliran bagi fungsi di atas adalah seperti berikut:

$$K_t = \alpha_0 + \beta_1 T_t + \varepsilon_t \quad [2]$$

Dengan:

- $K_t$  = Ketibaan Pelancong (Juta orang setahun)  
 $T_t$  = Masa di dalam tahun Ke-n (Bilangan tempoh)  
 $\alpha_0$  = Pintasan garisan arah aliran  
 $\beta_1$  = Pekali bagi tahun  
 $\varepsilon_t$  = Ralat

#### Model 3 : Penerimaan Pelancongan

Secara amnya, penerimaan pelancongan adalah bergantung kepada tahun. Dengan hal demikian, fungsi bagi penerimaan pelancongan adalah seperti berikut.

$$\text{Penerimaan Pelancongan} = f(\text{Tahun})$$

$$R_t = f(T)$$

Model arah aliran bagi fungsi di atas adalah seperti berikut:

$$R_t = \alpha_0 + \beta_1 T_t + \varepsilon_t \quad [3]$$

Dengan:

- $R_t$  = Penerimaan Pelancongan (RM juta setahun)  
 $T_t$  = Masa di dalam tahun Ke-n (Bilangan tempoh)  
 $\alpha_0$  = Pintasan garisan arah aliran  
 $\beta_1$  = Pekali bagi tahun  
 $\varepsilon_t$  = Ralat

#### Model 4 : Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Secara amnya, enrolmen pelajar antarabangsa adalah bergantung kepada tahun. Dengan hal demikian, fungsi bagi enrolmen pelajar antarabangsa adalah seperti berikut.

$$\text{Enrolmen Pelajar Antarabangsa} = f(\text{Tahun})$$

$$E_t = f(T)$$

Model arah aliran bagi fungsi di atas adalah seperti berikut:

$$E_t = \alpha_0 + \beta_1 T_t + \varepsilon_t \quad [4]$$

Dengan:

- $E_t$  = Enrolmen Pelajar Antarabangsa (Orang setahun)
- $T_t$  = Masa di dalam tahun Ke-n (Bilangan tempoh)
- $\alpha_0$  = Pintasan garisan arah aliran
- $\beta_1$  = Pekali bagi tahun
- $\varepsilon_t$  = Ralat

Perisian SAS akan digunakan untuk menganggar parameter yang terdapat di dalam model 1 hingga 4.

## DAPATAN KAJIAN

Keputusan bagi model sumbangan sektor perkhidmatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} P &= 64206 + 24193T \\ &\quad (11.68)^* \\ R^2 &= 0.9381 \\ \text{Nilai } F &= 136.37 \end{aligned}$$

\* Signifikan pada aras keyakinan 99%

Daripada keputusan di atas, didapati terdapat hubungan positif di antara pembolehubah tahun dan sumbangan sektor perkhidmatan. Nilai  $t = 11.68$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan nilai  $R^2 = 0.9381$  menunjukkan bahawa sebanyak 93.81% sumbangan sektor perkhidmatan dapat diterangkan oleh tahun. Secara purata, pertumbuhan sumbangan sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM 24,193 setahun. Manakala, nilai  $F = 136.37$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan ini bermakna terdapat masalah heteroskedastisiti dalam data yang digunakan. Jadual 1 menunjukkan anggaran sumbangan sektor perkhidmatan dari tahun 2013 hingga 2020 (rujuk lampiran 1). Daripada jadual 1, didapati pada tahun 2013 dijangka sektor perkhidmatan akan menyumbang sebanyak RM 402,908 kepada pendapatan negara. Sumbangan ini dijangka akan meningkat kepada RM 451,294 pada tahun 2015 dengan pertumbuhan sebanyak 12.0% berbanding tahun 2013 dan terus meningkat kepada RM 572,259 pada tahun 2020. Pertumbuhan adalah sebanyak 26.8% daripada tahun 2015 hingga 2020. Purata kadar pertumbuhan tahunan bagi sumbangan sektor perkhidmatan adalah 4.49% setahun bagi tempoh 2013 hingga 2020.

Keputusan bagi model ketibaan pelancong adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} K &= 8.11 + 1.49T \\ &\quad (10.81)^* \\ R^2 &= 0.9285 \\ \text{Nilai } F &= 116.81 \end{aligned}$$

\* Signifikan pada aras keyakinan 99%

Daripada keputusan di atas, didapati terdapat hubungan positif di antara pembolehubah tahun dan ketibaan pelancong. Nilai  $t = 10.81$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan nilai  $R^2 = 0.9285$  menunjukkan bahawa sebanyak 92.85% ketibaan pelancong dapat diterangkan oleh tahun. Secara purata, pertumbuhan ketibaan pelancong adalah sebanyak 1.49 juta pelancong setahun. Manakala, nilai  $F = 116.81$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan ini bermakna terdapat masalah heteroskedastisiti dalam data yang digunakan. Jadual 2 menunjukkan anggaran ketibaan pelancong dari tahun 2013 hingga 2020 (rujuk lampiran 1). Daripada jadual 2, ketibaan pelancong pada tahun 2013 dijangka seramai 28.97 juta pelancong iaitu peningkatan sebanyak 17.86% berbanding tahun 2010. Jumlah ketibaan pelancong dijangka akan terus meningkat kepada 31.95 juta pelancong (10.29%) pada tahun 2015. Menjelang tahun 2020, dijangka seramai 39.40 juta pelancong akan mengunjungi Malaysia dengan pertumbuhan adalah sebanyak 23.32% berbanding tahun 2015. Purata kadar pertumbuhan tahunan bagi ketibaan pelancong adalah 3.93% setahun bagi tempoh 2013 hingga 2020.

Keputusan bagi model penerimaan pelancongan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} R &= 11.64 + 3.99T \\ &\quad (11.94)^* \\ R^2 &= 0.9406 \\ \text{Nilai } F &= 142.61 \end{aligned}$$

\* Signifikan pada aras keyakinan 99%

Daripada keputusan di atas, didapati terdapat hubungan positif di antara pembolehubah tahun dan penerimaan pelancongan. Nilai  $t = 11.94$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan nilai  $R^2 = 0.9406$  menunjukkan bahawa sebanyak 94.06% penerimaan pelancongan dapat diterangkan oleh tahun. Secara purata, pertumbuhan penerimaan pelancong adalah sebanyak RM 3.99 juta setahun. Manakala, nilai  $F = 142.61$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan ini bermakna terdapat masalah hetroskedastisiti dalam data yang digunakan. Jadual 3 menunjukkan anggaran penerimaan pelancongan dari tahun 2013 hingga 2020 (rujuk lampiran 1). Daripada jadual 3, didapati pada tahun 2013, Malaysia dijangka menerima sebanyak RM 67.50 juta daripada sektor pelancongan. Jumlah penerimaan dijangka akan terus meningkat kepada RM 75.48 juta pada tahun 2015 dengan pertambahan peratusan adalah sebanyak 11.82% berbanding tahun 2013. Pada tahun 2020, jumlah penerimaan pelancongan dijangka akan bertambah kepada RM 95.43 juta iaitu sebanyak 26.43% berbanding tahun 2015. Purata kadar pertumbuhan tahunan bagi penerimaan pelancongan adalah 4.43% setahun bagi tempoh 2013 hingga 2020.

Keputusan bagi model enrolmen pelajar antarabangsa adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} E &= 11933 + 7827T \\ &\quad (8.90)* \end{aligned}$$

$$R^2 = 0.9188$$

$$\text{Nilai } F = 79.18$$

\* Signifikan pada aras keyakinan 99%

Daripada keputusan di atas, didapati terdapat hubungan positif di antara pembolehubah tahun dan enrolmen pelajar antarabangsa. Nilai  $t = 8.90$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan nilai  $R^2 = 0.9188$  menunjukkan bahawa sebanyak 91.88% enrolmen pelajar antarabangsa dapat diterangkan oleh tahun. Secara purata, pertumbuhan enrolmen pelajar antarabangsa adalah sebanyak 7827 orang pelajar setahun. Manakala, nilai  $F = 79.18$  adalah signifikan pada aras keyakinan 99% dan ini bermakna terdapat masalah hetroskedastisiti dalam data yang digunakan. Jadual 4 menunjukkan anggaran enrolmen pelajar antarabangsa dari tahun 2013 hingga 2020 (rujuk lampiran 1). Daripada jadual 4, menunjukkan seramai 105,857 orang pelajar asing akan mengikuti pengajian tinggi di Malaysia pada tahun 2013 dan jumlah ini dijangka terus meningkat kepada 121,511 pelajar pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 14.79% berbanding tahun 2013. Seramai 160,646 pelajar antarabangsa dijangka melanjutkan pengajian di Malaysia iaitu peningkatan sebanyak 32.21% berbanding tahun 2015 menjelang tahun 2020. Purata kadar pertumbuhan tahunan dianggarkan sebanyak 5.37% setahun bagi tempoh 2013 hingga 2020.

Oleh itu, dapat disimpulkan keputusan regresi menunjukkan setiap model yang dibina adalah sepadan dengan data empirikal yang digunakan. Kesimpulan ini adalah berdasarkan nilai pekali penentu  $R^2$  adalah di antara 0.9188 hingga 0.9406. Nilai  $t$  yang signifikan pada aras keyakinan 99% menunjukkan arah aliran data lepas bagi sumbangan perkhidmatan, ketibaan, penerimaan pelancongan serta enrolmen pelajar antarabangsa adalah petunjuk yang baik bagi meramal komponen arah aliran bagi masa hadapan.

## PENUTUP

Kesimpulan, berdasarkan dapatan kajian, peningkatan yang berterusan dijangkakan bagi sumbangan sektor perkhidmatan, ketibaan pelancong, penerimaan pelancongan dan enrolmen pelajar antarabangsa bagi tempoh 2013 hingga 2020. Menjelang tahun 2020, kajian menjangkakan sektor perkhidmatan akan menyumbang sebanyak RM 527,259 kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menerusi sektor pelancongan pula, dijangka Malaysia akan menerima kunjungan pelancong seramai 39.40 juta orang dengan sumbangan penerimaan daripada pelancongan sebanyak RM 95.43 juta. Keadaan ini membuktikan sektor perkhidmatan akan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pendapatan negara dan diteraju oleh sumbangan sektor pelancongan.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa sektor perkhidmatan dan pelancongan merupakan sektor terpenting bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Penumpuan harus diberikan kepada sektor yang lebih berotensi tinggi dalam menjana ekonomi berpendapatan tinggi. Di samping itu, dalam usaha memperkuatkan sektor perkhidmatan, salah satu hasrat negara adalah untuk menjadikan negara sebagai destinasi pelancongan utama di peringkat antarabangsa serta menjadi hab kecemerlangan pendidikan serantau. Kajian ini mendapati, pelancongan pendidikan merupakan salah satu produk baru sektor pelancongan yang berpotensi besar dalam menyumbang kepada pendapatan negara. Berdasarkan

keputusan, dijangka seramai 160,646 pelajar antarabangsa akan melanjutkan pengajian di Malaysia menjelang tahun 2020. Peningkatan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa akan menjana kepada peningkatan penerimaan daripada pelancongan melalui pendapatan tukaran asing serta membangunkan sektor pendidikan di Malaysia.

Perancangan menuju negara maju menjelang tahun 2020 memerlukan penelitian mendalam bagi menjamin keupayaan dan impian negara tercapai. Ia memerlukan pautan kerjasama di antara pihak swasta dan kerajaan dalam menjayakan Program Tranformasi Kerajaan menerusi tiga sektor terpilih yang berkeupayaan tinggi menjana pendapatan negara dan kemajuan negara dari aspek pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Justeru, kerajaan harus membantu daripada segi infrastruktur dan menyediakan tenaga akademik yang bertaraf dunia dalam menjana kedatangan pelajar luar negara di samping memastikan bayaran pengajian yang kompetitif. Selain itu, kajian terhadap pelancongan pendidikan juga dapat dipertingkatkan untuk menganalisis kebolehpasaran pelancongan pendidikan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Usaha meningkatkan mutu pengajian tinggi, infrastruktur Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan tenaga akademik bertaraf dunia akan memajukan sektor pendidikan dan menggalakkan perkembangan sektor pelancongan melalui peningkatan jumlah ketibaan pelancong dan penerimaan pelancongan seterusnya secara tidak langsung memperkuatkkan sektor perkhidmatan dalam menjana tingkat pendapatan negara yang tinggi secara keseluruhan sebagai negara maju 2020.

## RUJUKAN

- Baharuddin, M. et al. (2009). *Laporan Akhir Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), USM.
- Burger, C.J.S.C., Dohnal, M., Kathrada, M., dan Law, R. (2001). A Practitioners Guide to Time Series Methods for Tourism Demand Forecasting –A Case Study of Durban, South Africa. *Tourism Management*, 22, 403-409.
- Choy, D.J.L. (1984). Forecasting Tourism Revisited. *Tourism Management*, 5, 171-176.
- Gibson, H. (1998). The Educational Tourist. Journal of Physical Education. *Recreation and Dance*, 69(4), 32-34.
- Holdnak, A. dan Holland, S. (1996). *Edutourism: Vacationing to Learn: Parks and Recreation*, 72-75.
- Ismail, J.A., Iverson, T.J., dan Cai, L.A. (2000). Forecasting Japanese Arrivals to Guam: An Empirical Model. *Journal of Hospitality and Leisure Marketing*, 7, 51-63.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Diakses pada 13 Mac 2012 dari <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=en>.
- Kirby, R.M. (1966). A Comparison of Short and Medium-Range Statistical Forecasting Methods. *Management Science*, 15(4), 202-210.
- Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010. Diakses pada 15 Mac 2012 dari <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/mtr- rm9/html/bahasa.htm>.
- Laporan Program Transformasi Ekonomi, Bab 14: Pendidikan. Diakses pada 13 Mac 2012 dari [http://www.fkm.utm.my/~istaz/etp\\_roadmap/bab14.pdf](http://www.fkm.utm.my/~istaz/etp_roadmap/bab14.pdf).
- Lin, T.C. (2004). The Role of Higher Education in Economic Development: An Empirical Study of Taiwan Case. *Journal of Asian Economics*, 15, 355-371.
- Norzaidi, M.D. et al. (2010). *Study Guide to Portfolio Management*. University Publication Centre, Selangor.
- Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia. (2010). Diakses pada 12 Mac 2012 dari [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/perangkaan\\_2010.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/perangkaan_2010.pdf).
- Perbadanan Pelancongan Malaysia. (2011). Diakses pada 14 Mac 2012 dari [http://www.tourism.gov.my/facts\\_figures/](http://www.tourism.gov.my/facts_figures/).
- Pertubuhan Pendidikan , Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). (2011). Diakses pada 10 Mac 2012 dari <http://www.unesco.org/new/en/unesco/>.
- Rodger, D. (1998). Leisure, learning, and travel. Journal of Physical Education. *Recreation & Dance* 69(4), 28-31.
- Sarmidi, T. dan Norlida, H. (2010). Dynamic Inter-relationship Between Trade, Economic Growth and Tourism in Malaysia. *Munich Personal RePEc Archive (MPRA)* Paper No. 201056 posted 02.
- Song, H. dan Li, G. (2008). Tourism Demand Modelling and Forecasting A Review of Recent Research. *Tourism Management*, 29(2), 203-220.
- Witt, S. F., Song, H., dan Wanhill, S.P. (2004). Forecasting Tourism-Generated Employment: The Case of Denmark. *Tourism Economics*, 10, 167-176.

**LAMPIRAN 1****JADUAL 1:** Anggaran Sumbangan Sektor Perkhidmatan Dari Tahun 2013 Hingga 2020

Tahun	Sumbangan (RM)	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)
2013	402,908	-
2014	427,101	6.00
2015	451,294	5.66
2016	475,487	5.36
2017	499,680	5.09
2018	523,873	4.84
2019	548,066	4.62
2020	572,259	4.41

**JADUAL 2:** Anggaran Ketibaan Pelancong Dari Tahun 2013 Hingga 2020

Tahun	Ketibaan (Juta orang)	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)
2013	28.97	-
2014	30.46	5.14
2015	31.95	4.89
2016	33.44	4.66
2017	34.93	4.46
2018	36.42	4.27
2019	37.91	4.09
2020	39.40	3.93

**JADUAL 3:** Anggaran Penerimaan Pelancongan Dari Tahun 2013 Hingga 2020

Tahun	Penerimaan (RM juta)	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)
2013	67.50	-
2014	71.49	5.91
2015	75.48	5.58
2016	79.47	5.29
2017	83.46	5.02
2018	87.45	4.78
2019	91.44	4.56
2020	95.43	4.36

**JADUAL 4:** Anggaran Enrolmen Pelajar Antarabangsa Dari Tahun 2013 Hingga 2020

Tahun	Enrolemen (Orang pelajar)	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)
2013	105,857	-
2014	113,684	7.39
2015	121,511	6.88
2016	129,338	6.44
2017	137,165	6.05
2018	144,992	5.71
2019	152,819	5.40
2020	160,646	5.12